

Perletakan jawatan Datuk Musa sudah diterima

KUALA LUMPUR, Ahad

— Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau menerima perletakan jawatan Datuk Musa Hitam sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri.

"Saya sudah menghantar surat kepada Datuk Musa menyatakan perletakan jawatannya diterima," katanya kepada pemberita selepas menemui kira-kira 500 ahli jawatankuasa bahagian, wakil Pemuda dan Wanita serta wakil-wakil rakyat Umno di sini hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata surat kepada Datuk Musa yang diamatkan ke London dihantar 18 Mac lalu.

Mengenai lawatannya ke Selangor, Perdana Menteri berkata beliau berpuas hati dengan semangat kerjasama dan perpaduan di kalangan parti-parti komponen Barisan Nasional di negeri ini.

"Saya juga berpuas hati kerana dapat berjumpa sebahagian besar daripada penduduk tempatan walaupun lawatan ke sini ringkas dan paling singkat sekali, berbanding negeri-negeri lain," katanya.